



FACULTY OF EDUCATION AND ARTS

FINAL EXAMINATION

Student ID (in Figures) : 

--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--	--

Student ID (in Words) : \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

Course Code & Name : **MPU3142 BAHASA MELAYU KOMUNIKASI 2**  
Trimester & Year : January – April 2024  
Lecturer/Examiner : Ms Normaizura Md Zain  
Duration : 2 Hours

**INSTRUCTIONS TO CANDIDATES**

- 1. This question paper consists of 2 parts:
  - PART A (30 marks) : THIRTY (30) multiple choice questions. Answers are to be written in the Multiple Choice Answer Sheet provided.
  - PART B (70 marks) : SOALAN 1 – Pemahaman Teks  
SOALAN 2 – Tatabahasa  
SOALAN 3 – Karangan (Choose ONE (1) only)
- 2. Candidates are not allowed to bring any unauthorized materials except writing equipment into the Examination Hall. Electronic dictionaries are strictly prohibited.
- 3. This question paper must be submitted along with all used and/or unused rough papers and/or graph paper (if any). Candidates are NOT allowed to take any examination materials out of the examination hall.
- 4. Only ballpoint pens are allowed to be used in answering the questions, with the exception of multiple choice questions, where 2B pencils are to be used.

**WARNING:** The University Examination Board (UEB) of BERJAYA University College regards cheating as a most serious offence and will not hesitate to mete out the appropriate punitive actions according to the severity of the offence committed, and in accordance with the clauses stipulated in the Students’ Handbook, up to and including expulsion from BERJAYA University College.

**Total Number of pages = 11 (Including the cover page)**

**SOALAN 1 – PEMAHAMAN TEKS (20 markah)**

**Petikan (i)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.*

**Tajuk: Keluarga Saya**

Nama saya Suhaila. Umur saya 21 tahun dan sedang belajar di Melaka. Program saya ialah Bachelo Pengurusan Perniagaan. Di Melaka, saya tinggal bersama-sama dengan keluarga saya. Keluarga saya terdiri daripada ayah, ibu, dan dua adik lelaki saya.

Ayah dan ibu saya bekerja sebagai guru sekolah menengah. Ayah saya ialah guru Bahasa Melayu manakala ibu saya guru Matematik. Hobi ayah saya ialah membaca buku dan memancing. Ayah suka membawa saya dan keluarga pergi ke kedai buku atau perpustakaan pada hari Sabtu. Pada hari Ahad, ayah akan pergi memancing ikan dengan pak cik Muthu. Hobi ibu saya ialah berkebun. Dia suka menanam sayur-sayuran di belakang rumah. Kami sekeluarga suka sayur-sayuran segar yang ditanam oleh ibu, seperti bendi, sawi, lobak merah dan terung.

Adik lelaki saya yang kedua bernama Salim. Dia berumur 18 tahun dan sedang belajar di Kolej Universiti BERJAYA, Kuala Lumpur. Programnya ialah Diploma Seni Kulinari. Adik saya yang bongsu pula bernama Haziq dan masih di sekolah menengah. Mereka berdua suka bermain bola sepak dan badminton.

Hubungan keluarga saya sangat rapat kerana kami selalu menghabiskan masa bersama-sama dan menyokong antara satu sama lain.

1. Apakah program pengajian yang diambil oleh Suhaila? **(2 markah)**
  
2. Apakah pekerjaan ayah dan ibu Suhaila? **(2 markah)**
  
3. Siapakah yang pergi memancing dengan ayah Suhaila pada hari Ahad? **(2 markah)**
  
4. Sebutkan **EMPAT (4)** jenis sayur-sayuran yang ditanam oleh ibu Suhaila di kebun mereka. **(2 markah)**
  
5. Bagaimanakah hubungan keluarga Suhaila boleh menjadi sangat rapat? Berikan **DUA (2)** faktor. **(2 markah)**

**Petikan (ii)**

*Baca petikan di bawah ini dengan teliti. Kemudian jawab soalan-soalan yang berikut.*

Nama saya Rakesh a/l Kumar. Saya merupakan pelajar di Universiti Cemerlang, Kuala Lumpur. Universiti saya sangat besar dan lokasinya juga strategik kerana terletak di tengah-tengah Kuala Lumpur. Universiti saya moden dan lengkap dengan pelbagai kemudahan.

Perpustakaan universiti adalah salah satu kemudahan yang paling penting. Para pelajar akan ke perpustakaan untuk membaca dan meminjam buku. Perpustakaan universiti saya agak besar dan kondusif. Ada banyak jenis buku dan bahan rujukan untuk pelajar. Selain itu, perpustakaan universiti saya menyediakan 15 buah komputer riba dengan kemudahan mengakses internet kepada para pelajar. Hal ini sangat memudahkan pelajar untuk membuat tugasan di universiti.

Di samping itu, perpustakaan juga menyediakan tiga buah bilik untuk para pelajar membuat perbincangan dalam kumpulan. Bilik ini dilengkapi dengan sebuah meja panjang, enam buah kerusi, papan putih, projektor dan sebuah komputer. Sebelum menggunakan bilik ini, pelajar perlu membuat tempahan dengan pengawas perpustakaan terlebih dahulu. Sekiranya bilik perbincangan sudah penuh, para pelajar boleh duduk berbincang di lobi. Lobi yang luas dan selesa ini menawarkan banyak tempat duduk. Para pelajar biasanya akan duduk di lobi untuk berehat, membaca, atau bertemu dengan kawan-kawan.

Kesimpulannya, Universiti Cemerlang di Kuala Lumpur merupakan pilihan terbaik untuk para pelajar. Universiti memberikan komitmen yang baik dan sentiasa menjaga kebajikan pelajar-pelajarnya.

1. Siapakah nama pelajar yang menulis karangan ini? **(2 markah)**
  
2. Berapakah jumlah komputer riba yang disediakan di perpustakaan universiti tersebut? **(2 markah)**
  
3. Apakah perkara yang perlu dilakukan oleh pelajar sebelum menggunakan bilik perbincangan? **(2 markah)**
  
4. Senaraikan **EMPAT (4)** kemudahan yang disediakan di dalam bilik perbincangan. **(2 markah)**
  
5. Apakah pilihan yang ada jika bilik perbincangan sudah penuh? **(2 markah)**

**SOALAN 2 – TATABAHASA (30 markah)**

**a) Bina satu ayat bagi setiap perkataan di bawah ini:**

- I. ketawa (2 markah)
- II. menangis (2 markah)
- III. marah (2 markah)
- IV. sedih (2 markah)
- V. gembira (2 markah)

**(10 markah)**

**b) Terjemahkan petikan berikut ke dalam bahasa Melayu.**

1. My mother is beautiful and friendly. (2 markah)
2. My university is very beautiful and clean. (2 markah)
3. My brother's bag is black and white. (2 markah)
4. My younger sister's hobbies are reading books and cooking. (2 markah)
5. My best friend is from Japan. (2 markah)
6. Mei Ling has two siblings. (2 markah)
7. My sister drives the car while singing. (2 markah)
8. Suresh eats fried noodles and drinks iced Milo. (2 markah)
9. My teacher is brave and strong. (2 markah)
10. Next week, I want to visit my grandparents in Langkawi Island. (2 markah)

**(20 markah)**

**SOALAN 3 : KARANGAN (20 markah)**

Tuliskan sebuah karangan dengan memilih **SATU (1)** daripada tajuk di bawah. Panjang karangan anda hendaklah **tidak kurang daripada 100 patah perkataan**.

1. Tulis esei ringkas tentang **“Binatang Peliharaan Saya”**.

ATAU;

2. Tuliskan satu karangan tentang **“Hobi Saya”**.

**(20 markah)**

**SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT**